

07 SEP 1996

Mahathir - Penyelidikan

ATASI KELEMAHAN, KATA DR M KEPADA INSTITUSI R & D

JOHOR BAHRU, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mahukan institusi-institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) di negara ini mengatasi beberapa kelemahan ketara bagi mempertingkatkan lagi penggunaan hasil penemuan mereka.

Perdana Menteri berkata walaupun pada keseluruhannya hasil R&D tempatan baik, kelemahan seperti reka bentuk produk dan mutu prototaip yang kurang memuaskan masih ketara dalam kebanyakan hasil penemuan institusi-institusi itu.

"Kita mesti buktikan kebolehan kita sebelum orang sokong. Tak ada siapa yang akan mengeluarkan duit yang banyak untuk penyelidikan kepada orang yang belum menunjukkan hasil.

"Jadi dia kena yakinkan dulu, kita kena sanggup menderita dulu sebelum kita dapat kejayaan," katanya ketika ditanya mengenai kurangnya sokongan kewangan kepada usaha penyelidikan yang dijalankan oleh institusi R&D tempatan kerana pelabur lebih gemar menggunakan hasil penyelidikan luar negara walaupun terpaksa membayar kos lebih.

Sebelum itu Dr Mahathir merasmikan University-Industry Technology Advancement Programme (UNITAP) Universiti Teknologi Malaysia di Skudai dekat sini.

Perdana Menteri berkata institusi R&D perlu mendalami ilmu pembuatan prototaip dan menggunakan segala peralatan canggih yang dibeli untuk menghasilkan prototaip bermutu tinggi.

"Kita dah ada rapid dan high speed prototyping machine. Ini banyak kita belanja dan kita patut gunakan sepenuhnya," katanya.

Dr Mahathir berkata institusi-institusi R&D, terutama universiti juga perlu memasarkan secara agresif hasil penemuan mereka bagi mendapatkan pembiayaan, lebih-lebih lagi selepas ia dikorporatkan.

Ketika ditanya sama ada kerajaan bercadang untuk mengkhususkan tugas R&D kepada universiti saja bagi mengelak pertindihan, beliau berkata : "Saya berpendapat kadang-kadang ada guna juga (institusi R&D lain) walapun ada duplication kerana setiap perusahaan mesti ada R&D".

Katanya walaupun pertindihan akan menyebabkan kos meningkat, R&D memerlukan idea yang berbeza-beza dan sebab itu tumpuan tidak boleh diberi kepada universiti saja.

Perdana Menteri turut diminta mengulas dakwaan Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) kononnya 55 peratus daripada rumah yang dibina di Johor dimiliki rakyat Singapura.

Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu komposisi sebenar pembeli rumah di negeri ini tetapi berpendapat FOMCA perlu membuat kajian yang tepat sebelum membuat sebarang kenyataan.

"Saya tak tahu keadaan sebenar tetapi kalau nak buat dakwaan macam itu kita perlu buat kajian yang betul. Jangan kita buat sesuatu yang mungkin memburukkan nama kita sedangkan benda itu tak benar," katanya.

Ketika ditanya sama ada kadar levi terhadap rakyat asing yang membeli rumah di negeri ini patut lebih tinggi dari negeri-negeri lain bagi menyekat terlalu ramai rakyat Singapura membeli rumah, beliau berkata perkara itu tidak dapat dilakukan kerana pemaaju mengadu sukar untuk menjual rumah mereka.

Buat masa ini rakyat asing hanya boleh membeli rumah bernilai RM250,000 atau lebih serta disyaratkan pula membayar levi RM100,000 bagi tujuan itu.

-- BERNAMA

AH MAI